

Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di Johor Bahru

**Prof. Madya Dr. Azizi Yahaya
Gangagoury A/P Chinnapan
Universiti Teknologi Malaysia
Skudai Johor**

Abstrak Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat tahap pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup dan faktor-faktor yang mempengaruhi guru dalam pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup. Kajian ini dilakukan di 10 buah Sekolah Kebangsaan Tamil di kawasan Johor Bharu dengan memfokuskan kepada tahap pengetahuan, minat, beban tugas, kesesuaian bengkel dan juga sokongan pihak pentadbiran. Seramai 50 orang guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen kajian adalah dalam bentuk soal-selidik dan nilai kebolehpercayaan (alpha croanbach) yang diuji melalui kajian rintis adalah $\alpha = 0.7636$. Dapatan kajian dianalisis melalui komputer dengan menggunakan perisian SPSS *Statistical PackageS For Social Science* 11.5 meliputi kekerapan, peratus, min, sisihan Piawai dan Ujian-t. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor pengetahuan dan minat guru berada pada tahap yang tinggi. Manakala faktor kesesuaian bengkel, beban tugas dan sokongan pihak pentadbir berada pada tahap sederhana. Berdasarkan Ujian-t didapati bahawa tiada perbebezaan yang dikenalpasti antara jantina dengan faktor-faktor yang dikaji dalam kajian ini. Kajian ini juga mencadangkan beberapa cadangan kepada pihak berkenaan untuk memberikan perhatian khusus terhadap masalah pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil. Kajian ini perlu dilakukan di seluruh negeri untuk mendapatkan keputusan yang sebenar.

(Katakunci: Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Hidup, pengetahuan, minat, beban tugas, kesesuaian bengkel dan juga sokongan pihak pentadbiran)

ABSTRACTThe purpose of this study is to identify the level of implimentation of Living Skill subject and the factors that influence the Living Skill teachers in teaching and learning process. This study was conducted in 10 Tamil schools in the Johor Bahru district with the focus at the level of teachers knowledge, interest, workload, workshop facilities and equipments and aslo the support of the administrator. 50 primary school teachers teaching Living Skill were chosed as respondents in this research. The instrument in the research was questionnaire and the value of reliability (alpha croanbach) in the pioneer research is $\alpha =0.7636$. The SPSS *Statistical Packages For Social Science* 11.5 were used in the data analysis and it is including frequency, percentage, mean, standartd deviation and t-test. The finding of the research shows that knowledge factor and interest of teachers factor play an vital role. Meanwhile the workshop facilities and support from school administrator and workload were in moderate level. Based on the T-test, it is shows that there is no identified differences between the gender with the other factors that have been studied in this research. This study should be carried out throughout the country to get a more precised outcome. A few recommendations have been made in this study to the relevant authorities in order to give a special attention on the problem of teaching and learning of Living Skill subject in Tamil schools. This study should be carried out throughout the country to get a more precised outcome.

1.0 Pengenalan

Kemahiran Hidup adalah satu mata pelajaran dalam kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang dirancang untuk membolehkan murid-murid menggunakan pelbagai alat dan bahan serta melalui berbagai-bagai teknik untuk menghasilkan sesuatu pengalaman yang membolehkan murid-murid celik teknologi dan memberikan mereka pengalaman mengendalikan pelbagai alat tangan dan bahan. Mata pelajaran ini bercorak amali dan diajar dalam tahap dua di sekolah-sekolah rendah di seluruh Malaysia. Mata pelajaran Kemahiran Hidup bertujuan untuk membentuk sebuah masyarakat yang berorientasikan teknologi selaras dengan hasrat negara dan perkembangan industri elektronik yang pesat berkembang di negara ini. Secara tidak langsung akan menimbulkan kesedaran kepada murid-murid agar peka terhadap perkembangan dan perubahan teknologi dengan harapan untuk melahirkan masyarakat yang cenderung dengan perkembangan baru berasaskan kepada sains dan teknologi. Melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup yang bercorak kerja praktis dan amali, membolehkan murid-murid menggunakan alat tangan untuk membuat perkakas yang mudah, mengendali, menyelenggara dan membaik pulih alat atau mesin mudah (serta boleh mereka cipta). Penguasaan kemahiran ini dapat membantu murid-murid mengatasi masalah dalam kehidupan harian yang banyak bergantung kepada kemajuan teknologi.

2.0 Latar Belakang Kajian

Semenjak mencapai kemerdekaan 50 tahun yang lalu Malaysia telah berkembang dengan pesat dari segi ekonomi, sosial, kebudayaan dan pendidikan. Sistem pendidikan di Malaysia juga telah berubah dan terpaksa menerima pelbagai cabaran dalam menempuhi arus pembangunan. Pendidikan memainkan peranan penting dalam melahirkan sumber tenaga manusia yang berkualiti. Oleh itu apa yang perlu dilakukan adalah menumpukan perhatian yang sepenuhnya kepada pembangunan sumber tenaga manusia terutamanya dalam bidang vokasioanal dan teknikal.

Menurut Ibrahim (2001), program latihan yang berkesan adalah satu program latihan yang dapat dipraktikkan sepenuhnya di tempat kerja. Faktor ini penting dalam memastikan bahawa kemahiran yang diperolehi dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Jika dilihat secara umum pandangan tokoh dan kajian lepas menjelaskan bahawa keperluan sumber tenaga dalam bidang teknikal adalah besar, sedangkan bekalnya adalah semakin berkurangan. Demi mengelakkan situasi ini menjadi semakin runcing maka satu tindakan yang wajar perlu dilaksanakan dengan segera.

Guru perlulah merancang satu siri aktiviti pembelajaran yang akan membawa perubahan-perubahan yang diinginkan. Dalam perancangan seperti ini, guru perlulah jelas dengan jenis perubahan yang dikehendaki, jenis pengetahuan yang hendak diperolehi oleh murid-murid, jenis kemahiran yang harus dibentuk dan perubahan-perubahan sikap yang hendak dicapainya (Ee Ah Meng, 1987).

3.0 Pernyataan Masalah

Matapelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah merupakan perkembangan yang bercorak amali yang dijalankan bagi murid tahap dua iaitu bagi tahun empat, lima dan enam. Ia adalah agak berbeza dengan matapelajaran yang lain. Pelajar menguasai kemahiran berdasarkan pengalaman yang mereka lalui ketika melakukan aktiviti amali di dalam bengkel. Pendedahan asas kepada pelajar-pelajar diharap boleh digunakan dalam kehidupan seharian agar pelajar menjadi lebih inovatif, produktif, kreatif dalam merekacipta.

Namun demikian pembelajaran ini tidak akan berjaya dan berkesan sekiranya ia dijalankan dengan hanya sekadar memenuhi jadual waktu sahaja. Ini juga akan menjejaskan dan menafikan hak-hak atau peluang pelajar mengetahui dalam pendedahan unsur-unsur teknologi. Kesempurnaan sesuatu program itu hendaklah berkadar terus dengan aspek perlaksannya berdasarkan objektif pembelajaran. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan matapelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di Kawasan Johor Bharu.

Prestasi Sekolah Rendah Kebangsaan selalunya dinilai dengan keputusan Peperiksaan iaitu Peperiksaan UPSR. Oleh yang demikian semua pihak sama ada pihak guru, pihak pentadbir sekolah, dan pihak ibu bapa amat memberi perhatian kepada peperiksaan UPSR. Pihak Sekolah bertungkus lumus untuk meningkatkan pencapaian peperiksaan dengan pelbagai cara. Iaitu mengadakan kelas tambahan pada waktu petang, malam dan hujung minggu. Selain dari itu pihak pentadbir juga sanggup mengabaikan mata pelajaran yang tidak tersenari dalam peperiksaan UPSR. Mata pelajaran Kemahiran Hidup merupakan satu mata pelajaran yang sangat dipandang ringan oleh guru kerana ia memerlukan alatan dan bengkel. Waktu Kemahiran Hidup selalu diganti dengan mata pelajaran yang dirasakan susah contohnya Bahasa Melayu dan Sains sebagainya. Ini secara tidak langsung pelajar melupakan mata pelajaran Kemahiran Hidup sedikit demi sedikit dan mereka berasa amat berat apabila mempelajari subjek ini di sekolah menengah. Terdapat pelbagai masalah yang menjejaskan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah Kebangsaan Tamil di Kawasan Johor Bharu.

4.0 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di kawasan Johor Bharu. Secara khususnya kajian ini adalah seperti berikut.

- i. Untuk mengenal pasti sama ada pengetahuan guru Kemahiran Hidup sendiri merupakan faktor dominan yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di kawasan Johor Bharu.
- ii. Untuk mengenal pasti sama ada minat terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup merupakan faktor dominan yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di kawasan Johor Bharu
- iii. Untuk mengenal pasti sama ada bebanan tugas guru Kemahiran Hidup merupakan faktor dominan yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di kawasan Johor Bharu.
- iv. Untuk mengenal pasti sama ada kesesuaian bengkel Kemahiran Hidup merupakan faktor dominan yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil di kawasan Johor Bharu.
- v. Untuk mengenal pasti sama ada sokongan pihak pentadbir merupakan faktor dominan yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di Kawasan Johor Bharu.

vi. Untuk mengenal pasti perbezaan yang signifikan antara jantina dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup iaitu pengetahuan, minat, bebanan tugas guru, kesesuaian bengkel dan sokongan pihak pentadbir.

Persoalan Kajian

Secara amnya kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru Kemahiran Hidup dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di kawasan Skudai Johor Bahru. Secara khususnya pula kajian ini untuk menjawab persoalan-persoalan seperti berikut.

- i. Apakah pengetahuan guru Kemahiran Hidup merupakan faktor dominan yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di kawasan Johor Bahru?
- ii. Apakah minat yang di beri kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup merupakan faktor dominan yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di kawasan Johor Bahru?
- iii. Apakah bebanan tugas guru Kemahiran Hidup merupakan faktor dominan yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di kawasan Johor Bahru?
- iv. Apakah kesesuaian bengkel Kemahiran Hidup merupakan faktor dominan yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil di kawasan Johor Bahru?
- v. Apakah sokongan pihak pentadbir merupakan faktor dominan yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di Kawasan Johor Bahru?
- vi. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup dari segi pengetahuan, minat, bebanan tugas guru, kesesuaian bengkel dan sokongan pihak pentadbir?

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis ialah sesuatu saranan sementara tentang hubungan antara dua atau lebih pembolehubah yang didapati melalui kaji deduksi (Ahmad Mahdzan, 1997). Saranan sementara tersebut bergantung kepada pengesanan melalui kajian. Di antara hipotesis yang telah dikenalpasti bagi tujuan kajian adalah seperti berikut:

Hipotesis nol 1

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan faktor-faktor yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup dari segi pengetahuan, minat, bebanan tugas, kesesuaian bengkel dan sokongan pihak pentadbir.

Hipotesis nol 2

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan faktor pengetahuan guru yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup.

Hipotesis nol 3

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan faktor minat yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup.

Hipotesis nol 4

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan faktor bebanan tugas guru yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup.

Hipotesis nol 5

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan faktor Kesesuaian bengkel yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup.

Hipotesis nol 6

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan faktor sokongan pihak pentadbir yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup.

5.0 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa batasan kajian telah ditetapkan bagi memudahkan lagi pelaksanaan kajian di jalankan.

- i. Kajian dijalankan di Sekolah Kebangsaan Tamil, Kawasan Johor Bahru. Penyelidik memilih sekolah Tamil sebagai sasaran kajian untuk mengetahui masalah sebenar yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di sekolah tersebut.
- ii. Responden yang dipilih terdiri daripada semua guru mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil.
- iii. Penyelidik telah membataskan kajian ini kepada beberapa aspek yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup iaitu, aspek pengetahuan, minat, beban tugas, kesesuaian bengkel dan sokongan pihak pentadbir.

6.0 Reka Bentuk Kajian

Penyelidik menggunakan kaedah soal selidik kerana merasakan ianya paling sesuai untuk mendapatkan maklumat secara terperinci tentang faktor-faktor yang mempengaruhi masalah pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di sekolah Kebangsaan Tamil. Segala maklumat yang diterima ditafsirkan secara kuantitatif.

7.0 Populasi

Populasi dalam penyelidikan ini adalah guru-guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah di kawasan Johor Bahru. Daripada populasi tersebut penyelidik hanya memilih 50 orang guru Kemahiran Hidup sebagai responden kajian.

8.0 Tempat Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas guru-guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan Tamil yang terletak di kawasan Johor Bahru. Tempat kajian dipilih berdasarkan kawasan yang lebih dekat bagi penyelidik bagi memudahkan kajian ini. Oleh kerana guru kemahiran hidup hanya terdiri daripada dalam lingkungan 5 orang di sebuah sekolah maka penyelidik terpaksa melakukan kajian ini hampir 10 buah sekolah yang terletak di kawasan Johor Bahru. Sekolah-sekolah yang dipilih sebagai tempat kajian adalah seperti berikut:

1. SJK(T) Jalan Yahya Awal
2. SJK(T) Ladang Mountn Austin
3. SJK(T) Permas Jaya
4. SJK(T) Masai
5. SJK(T) Pasir Gudang
6. SJK(T) Desa Cemerlang
7. SJK(T) Ulu Tiram
8. SJK(T) Ladang Rini
9. SJK(T) Gelang Patah
10. SJK(T) Taman Tun Aminah

9.0 Analisa Data

Data-data yang diperolehi penyelidik telah diproses dengan menggunakan perisian SPSS dan ianya dikumpulkan mengikut dua bahagian iaitu bahagian A dan Bahagian B. Data-data bahagian A akan dianalisis dengan memberikan jawapan dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Data-data yang diperolehi pada bahagian B pula akan dianalisis dengan menggunakan peratusan dan purata bagi persoalan kajian satu hingga lima. Manakala Ujian t (t-Test) bagi lima persoalan kajian. Kaedah ini bertujuan bagi menunjukkan kekuatan hubungan faktor kajian iaitu Jantina dengan masalah pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup.

10.0 Analisis data Bahagian A

Dalam kajian ini, responden yang terlibat adalah terdiri daripada 50 orang guru-guru yang mengajar Kemahiran Hidup. Daripada 50 orang responden ini didapati sebilangan besar adalah responden perempuan 39 orang dan 11 orang pula guru-guru lelaki. Dapatan kajian menunjukkan sebilangan besar guru-guru yang mengajar Kemahiran Hidup adalah muda iaitu berumur 24-28 tahun dan jumlah yang paling sedikit adalah terdiri daripada guru-guru berumur 49-51 tahun.

Daripada aspek akademik seramai 20 responden memiliki diploma dalam perguruan manakala hanya 6 responden mempunyai kelayakan STPM iaitu menjadi guru sementara atau pun sebagai guru ganti. Daripada aspek pengalaman mengajar, seramai 22 responden mempunyai pengalaman mengajar 1 hingga 6 tahun dan hanya 3 orang guru sahaja mempunyai pengalaman mengajar 21 hingga 28 tahun.

Dalam kajian ini didapati pengalaman mengajar 1 hingga 3 tahun menunjukkan frekuensi tertinggi iaitu 33 responden dan hanya 4 responden mempunyai pengalaman mengajar 7 hingga 10 tahun. Dapatan kajian ini bertentangan dengan pendapat Koch (1993), menurut beliau pada amnya guru yang mempunyai pengalaman yang lebih lama diandaikan sebagai guru yang cekap berbanding dengan guru yang kurang pengalaman. Dari segi bebanan tugas pula guru yang memegang lebih daripada 1 tugas menunjukkan frekuensi tertinggi iaitu 32 responden.

Daripada aspek jumlah waktu mengajar seminggu jumlah tertinggi ialah seramai 42 responden mengajar 2 hingga 4 waktu sahaja dalam seminggu. Hanya sebilangan kecil sahaja guru yang mengajar 10 waktu ke atas dalam seminggu iaitu seorang. Dalam aspek tempat pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup didapati 30 responden daripada 50 responden mengajar mata pelajaran ini di bilik darjah. Kebanyakan Sekolah Kebangsaan Tamil menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di bilik darjah disebabkan oleh itu pelajar hanya didedahkan kepada pembelajaran teori sahaja dan pembelajaran amali tidak dapat dilakukan. Hasil kajian ini bertentangan dengan matlamat pengajaran Kemahiran Hidup yang bertujuan melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan praktis dan mengendalikan hidup secara produktif dalam dunia teknologi yang serba kompleks.

11.0 Analisa Data Bahagian B

Bahagian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian. Dalam instrument kajian, terdapat 40 item pada bahagian B telah digunakan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di Kawasan Johor Bahru. Semua data yang diperolehi, seterusnya akan dianalisis bagi mendapat nilai yang mewakili frekuensi dan peratus bagi setiap item dan digunakan bagi mengenal pasti status atau kedudukan setiap persoalan kajian. Skala tiga mata digunakan untuk memudahkan analisis.

1. Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian 1

Pengetahuan guru Kemahiran Hidup merupakan faktor dominan dalam masalah pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di kawasan Johor Bahru

Kenyataan	ATS	TS	KP	S	AS	Min	SP
Saya menggunakan objektif pengajaran sebagai panduan pengajaran Kemahiran Hidup.	2.0	2.0	2.0	58.0	36.0	4.24	0.771
Saya akan menyusun pengajaran Kemahiran Hidup secara berperingkat bagi mencapai objektifnya.	2.0	0.0	8.0	52.0	38.0	4.24	0.771
Saya menggunakan kaedah yang diterima oleh pelajar semasa pengajaran Kemahiran Hidup.	4.0	2.0	8.0	4.0	2.0	4.08	0.922
Saya dapat menghabiskan semua kemahiran yang ada dalam sukatan pelajaran Kemahiran Hidup.	6.0	12.0	16.0	44.0	22.0	3.64	1.139

Jadual menunjukkan taburan bilangan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi faktor pengetahuan terhadap masalah pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di Kawasan Johor Bahru. Dalam jadual ini item pertama dan kedua menunjukkan min tertinggi yang sama. Bagi pernyataan tertinggi ialah saya menggunakan objektif pengajaran sebagai panduan dalam pengajaran Kemahiran Hidup, didapati 94.0 peratus setuju 4.0 peratus tidak setuju manakala 2.0 peratus kurang pasti. Min keseluruhan bagi item ini ialah 4.24 dan sisihan piawainya adalah 0.77.

Pernyataan kedua tertinggi ialah saya akan menyusun pengajaran Kemahiran Hidup secara berperingkat. Sebanyak 90.0 peratus bersetuju, 8.0 peratus kurang pasti. Min item ini ialah 4.24 dan sisihan piawainya bernilai 0.77.

Pernyataan yang terendah ialah saya dapat menghabiskan semua kemahiran dalam sukatan pelajaran. Sebanyak 60.0 peratus bersetuju, 16.0 peratus kurang pasti dan 18.0 peratus tidak setuju. Min bagi item ini ialah 3.64 dan sisihan piawainya ialah 1.14.

Secara keseluruhannya didapati min untuk pengetahuan guru dalam Kemahiran Hidup adalah tinggi iaitu 3.99 dan sisihan piawai keseluruhan ialah 0.67.

2. Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian 2

Minat guru terhadap mata pelajaran Kemahiran Hidup merupakan faktor dominan dalam masalah pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di kawasan Johor Bharu.

Kenyataan	ATS	TS	TKP	S	AS	Min	SP
Mata Pelajaran Kemahiran Hidup mampu memupuk budaya kerja yang baik di kalangan pelajar.	44.0	0.0	6.0	48.0	6.0	4.28	0.904
Mata pelajaran Kemahiran Hidup dapat membentuk sikap guru yang lebih kreatif dan inovatif.	4.0	0.0	2.0	50.0	44.0	4.30	0.863
Pelajar lebih seronok dan bekerjasama dengan guru semasa melakukan aktiviti amali Kemahiran Hidup	4.0	0.0	4.0	40.0	52.0	4.36	0.898
Saya menggunakan waktu Kemahiran Hidup untuk mengajar mata pelajaran yang lain.	44.0	10.0	4.0	32.0	10.0	2.54	1.555

Jadual 4.13 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi minat guru terhadap Mata pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di Kawasan Johor Bharu. Bagi pernyataan tertinggi ialah pelajar lebih seronok semasa melakukan aktiviti amali. Sebanyak 92.0 peratus bersetuju dan 4.0 peratus tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 4.36 dan sisihan piawainya adalah sebanyak 0.89.

Pernyataan kedua tertinggi menunjukkan bahawa seramai 90.0 peratus bersetuju bahawa Kemahiran Hidup dapat melahirkan guru yang kreatif dan inovatif. Min bagi item ini ialah 4.30 dan sisihan piawai adalah 0.86.

Pernyataan ketiga tertinggi ialah Matapelajaran Kemahiran Hidup memupuk budaya kerja yang baik di kalangan pelajar. Seramai 96.0 peratus bersetuju dengan pernyataan ini dan 4.0 peratus sahaja tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 4.28 dan sisihan piawai adalah 0.90

Pernyataan yang terendah ialah Saya menggunakan waktu Kemahiran Hidup untuk mengajar Mata Pelajaran lain. Seramai 86.0 peratus bersetuju dengan pernyataan ini. Hanya 14.0 peratus tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Min bagi item ini ialah 2.54 dan sisihan piawainya adalah 1.55.

Secara keseluruhannya didapati min untuk kepentingan kepada Kemahiran Hidup adalah tinggi iaitu 4.03 dan sisihan piawai keseluruhannya adalah 0.73.

3. Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian 3

Bebanan tugas guru Kemahiran Hidup merupakan faktor dominan dalam masalah penagajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di kawasan Johor Bahru

Kenyataan	ATS	TS	KP	S	AS	Min	P
Saya memerlukan masa yang panjang untuk menyediakan alatan untuk amali Kemahiran Hidup.	2.0	18.0	14.0	50.0	16.0	3.60	1.030
Saya memikul beban tugas besar yang lain seperti mengajar kelas UPSR yang mengganggu pengajaran Kemahiran Hidup.	12.0	32.0	8.0	30.0	18.0	3.10	1.359
Guru Kemahiran Hidup tidak dibebandengan tugas-tugas berat sampingan yang lain.	18.0	20.0	18.0	34.0	10.0	2.98	1.301
Saya menggunakan waktu Kemahiran Hidup untuk menyiapkan urusan pejabat yang penting di mana perlu di siapkan pada hari itu juga.	26.0	34.0	6.0	26.0	8.0	2.56	1.343

Jadual menunjukkan taburan bilangan responden mengikut peratusan min dan sisihan bagi faktor bebanan tugas terhadap masalah pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di Kawasan Johor Bahru. Bagi pernyataan tertinggi iaitu saya memerlukan masa yang panjang untuk menyediakan alatan untuk Kemahiran Hidup, didapati 66.0 peratus bersetuju, 14.0 peratus kurang pasti dan 18.0 peratus tidak setuju. Min bagi item ini adalah 3.60 dan sisihan piawainya adalah 1.03.

Pernyataan kedua tertinggi ialah saya memikul bebanan tugas yang besar seperti mengajar kelas UPSR yang mengganggu pengajaran Kemahiran Hidup, didapati 48.0 peratus bersetuju, 44.0 peratus tidak bersetuju dan 8.0 peratus kurang pasti. Min keseluruhan bagi item ini adalah 3.10 an sisihan piawainya adalah sebanyak 1.36.

Pernyataan ketiga tertinggi iaitu seramai 44.0 peratus menyatakan waktu pengajaran yang melebihi 24 waktu dalam seminggu menyebabkan mereka kurang member tumpuan terhadap P&P Kemahiran Hidup. Manakala 38.0 peratus tidak beretuju dan 18.0 peratus kurang pasti. Min bagi item ini ialah 2.98 dan sisihan piawai adalah 1.30.

Bagi pernyataan yang paling rendah iaitu saya menggunakan waktu Kemahiran Hidup untuk menyiapkan urusan pejabat yang penting menunjukkan bahawa 34.0 peratus setuju, 60.0 peratus tidak setuju dan 6.0 peratus kurang pasti. Min bagi item ini ialah 2.56 dan sisihan piawainya adalah 1.343. Secara keseluruhan faktor bebanan tugas guru terhadap masalah P&P adalah sederhana 2.95 dan sisihan piawai keseluruhannya sebanyak 0.98.

4. Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian 4

Kesesuaian bengkel Kemahiran Hidup merupakan faktor dominan dalam masalah pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil di kawasan Johor Bahru

Kenyataan	ATS	TS	KP	S	AS	Min	SP
Kelengkapan di bengkel Kemahiran Hidup yang tidak mencukupi menyukarkan pengajaran Kemahiran Hidup	2.0	14.0	6.0	52.0	26.0	3.86	1.030
Bunyi bising dari bengkel adalah terkawal dan tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran kelas Kemahiran Hidup.	4.0	14.0	20.0	46.0	16.0	3.56	3.14
Kedudukan bengkel adalah jauh dari bilik darjah menyukarkan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup.	4.0	8.0	6.0	8.0	4.0	3.00	1.305
Penggunaan bengkel Kemahiran Hidup untuk aktiviti lain selalu mengganggu pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup.	.0	0.0	6.0	2.0	8.0	3.30	1.199

Jadual menunjukkan taburan bilangan responden mengikut peratusan, min, dan sisihan piawai bagi faktor kesesuaian bengkel terhadap masalah Pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di Kawasan Johor Bharu. Bagi pernyataan tertinggi, Kelengkapan di bengkel Kemahiran Hidup yang tidak mencukupi menyukarkan pengajaran Kemahiran Hidup, didapati 78.9 peratus bersetuju dan 16.0 peratus tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 3.86 dan sisihan piawainya adalah 1.03.

Pernyataan yang kedua tertinggi iaitu bunyi bising dari bengkel adalah terkawal dan tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran kelas Kemahiran Hidup menunjukkan bahawa 60.0 peratus bersetuju dan 18.0 peratus tidak bersetuju dan 29.0 peratus kurang pasti. Min bagi item ini ialah 3.56 dan sisihan piawai adalah 3.14.

Pernyataan yang ketiga tertinggi Penggunaan bengkel Kemahiran Hidup untuk aktiviti lain selalu mengganggu pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup menunjukkan bahawa seramai 50.0 peratus bersetuju, 34.0 peratus tidak bersetuju dan 16.0 peratus kurang pasti. Min bagi item ini ialah 3.30 dan sisihan piawainya adalah 1.19.

Bagi Pernyataan terendah Kedudukan bengkel adalah jauh dari bilik darjah menyukarkan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup menunjukkan 42.0 peratus bersetuju, tidak bersetuju 42.0 peratus dan kurang pasti 16.0 peratus. Min bagi item ini ialah 3.0 dan sisihan piawai adalah 1.30. Secara keseluruhan didapati min untuk tahap kesesuaian bengkel adalah sederhana 3.26 dan sisihan piawai keseruhannya sebanyak 0.80.

5. Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian 5

Sokongan pihak pentadbir merupakan faktor dominan dalam masalah pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di Kawasan Johor Bahru.

Kenyataan	ATS	TS	KP	S	AS	Min	SP
Pihak pentadbir memberi sepenuh sokongan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup.	2.0	2.0	22.0	52.0	22.0	3.90	0.839
Pihak pentadbir memperuntukkan wang yang banyak untuk membiayai ruang bengkel dan peralatan Kemahiran Hidup.	4.0	12.0	26.0	38.0	20.0	3.58	1.071
Waktu mengajar melebihi 24 waktu seminggu menyebabkan saya kurang memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup.	16.0	30.0	14.0	28.0	12.0	2.90	1.313
Peruntukkan wang bagi Kemahiran hidup digunakan sepenuhnya untuk membeli peralatan dan kelengkapan bengkel.	6.0	20.0	14.0	50.0	10.0	3.68	1.096

Jadual menunjukkan taburan bilangan responden mengikut peratusan, min dan sisihan piawai bagi faktor sokongan pihak pentadbir terhadap masalah pengajaran pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di Kawasan Johor Bahru. Bagi item tertinggi pihak pentadbir memberi sepenuh sokongan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup menyatakan 74.0 peratus bersetuju dan 22.0 peratus kurang pasti. Min bagi item ini ialah 3.90 dan sisihan piawai adalah 0.84.

Pernyataan kedua tertinggi adalah Peruntukan wang bagi Kemahiran hidup digunakan sepenuhnya untuk membeli peralatan dan kelengkapan bengkel, didapati bahawa 60.0 peratus bersetuju, 16.0 peratus tidak bersetuju dan 14.0 peratus kurang pasti. Min bagi item ini ialah 3.68 dan sisihan piawai adalah 1.09.

Pernyataan ketiga tertinggi ialah Pihak pentadbir memperuntukkan wang yang banyak untuk membiayai ruang bengkel dan peralatan Kemahiran Hidup menyatakan 58.0

peratus bersetuju, 26.0peratus kurang pasti dan 16.0 peratus tidak bersetuju. Min bagi item ini ialah 3.58 dan sisihan piawai adalah 1.07.

Bagi pernyataan terendah ialah Bengkel hanya digunakan untuk semata-mata untuk mata pelajaran Kemahiran Hidup sahaja, didapati 42.0peratus bersetuju, 36.0 peratus tidak bersetuju dan 20.0 peratus kurang pasti. Min bagi item ini ialah 2.96 dan sisihan piawai adalah 1.14.Secara keseluruhan didapati min untuk sokongan pihak pentadbir di sekolah yang di kaji adalah sederhana 3.38 dan sisihan piawai keseluruhannya sebanyak 0.78.

12.0 Rumusan Persoalan Kajian

Taburan Min dan Sisihan Piawai Secara Keseluruhan Mengikut Faktor

Faktor	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Pengetahuan	3.99	0.67	Tinggi
Minat	4.03	0.73	Tinggi
Bebanan Tugas	2.95	0.99	Sederhana
Kesesuain Bengkel	3.26	0.80	Sederhana
Sokongan Pentadbiran	3.38	0.78	Sederhana

Jadual 4.20 menunjukkan taburan Min dan Sisihan Piawai bagi setiap faktor yang mempengaruhi pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di Kawasan Johor Bahru. Faktor Pengetahuan dan minat menunjukkan min pada tahap tinggi. Manakala faktor bebanan tugas, kesesuaian bengkel dan sokongan pihak pentadbir menunjukkan min pada tahap sederhana.

Ujian- t Untuk Perbezaan Min Antara Jantina (n=50)

Perkara	Ujian t untuk berbezaan min			Terima atau Tolak Hipotesis Nol
	t	Sig.(2 ekor)	Perbezaan min	
Pengetahuan guru	0.148	0.883	0.037	Terima
Minat	0.463	0.645	0.13	Terima
Beban Tugas	0.864	0.392	0.31	Terima
Kemudahan Bengkel	0.498	0.620	0.15	Terima
Sokongan	0.412	0.682	0.12	Terima

Aras Signifikan 0.05

Jadual menunjukkan ujian -t untuk perbezaan min antara jantina dengan aspek yang dikaji dalam masalah pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil di Kawasan Johor Bahru. Hasil daripada kajian hipotesis ini didapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan anantara jantina dengan aspek pengetahuan, minat, bebanan tugas,kesesuaian bengkel dan sokongan pihak pentadbir.

13.0 Rumusan

Pandangan guru telah digunakan untuk memperolehi maklumat tentang pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Kebangsaan Tamil. Walaupun terdapat pendapat bahawa jawapan yang diberikan oleh guru kurang tepat tetapi segala hasil adalah berdasarkan kepada keputusan yang dibuat oleh guru.

Secara umumnya, majoriti guru memberikan jawapan yang positif terhadap item-item yang dikemukakan. Ini menunjukkan bahawa guru mempunyai tahap pengetahuan, dan tahap keminatan yang tinggi terhadap pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup.

Tambahan lagi, menurut Rosnani (2001) guru sememangnya mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang isi pelajaran, mempunyai kemahiran yang pelbagai dalam menyampaikan isi pelajaran, dan memiliki sikap yang memang sepatutnya dimiliki oleh guru dan dengan ini dapat menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan.

14.0 Cadangan Kajian

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan. Diharapkan cadangan kajian ini dapat dijadikan garis panduan oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk menilai kembali pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah.

Pihak pentadbiran

- a) Menyentuh mengenai bilangan waktu mengajar, guru kemahiran hidup hendaklah diberikan waktu mengajar yang diminta dan selebihnya adalah untuk melaksanakan tugas-tugas penyelenggaraan, penyimpanan, pengendalian stok dan sebagainya. Ini membolehkan guru-guru tersebut bekerja dalam keadaan selesa dan tidak mengalami tekanan akibat kesuntukan masa, tenaga dan kewangan.
- b) Pihak pentadbir perlu membuat penyusunan jadual waktu yang tepat di mana perlu ada ruang waktu selepas aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di bengkel. Hakikat ini perlu kerana guru tersebut akan melakukan tugas-tugas penyusunan dan penyediaan alatan dan bahan yang telah digunakan. Begitu juga dapat melakukan penyiasatan dan rapi jika terdapat peralatan hilang dan rosak.
- c) Pihak pentadbiran perlulah mewujudkan suasana kekeluargaan yang akrab dalam institusi sekolah agar semua guru di bawah pentadbirannya rasa seronok dan memberikan kerjasama sepenuhnya apabila diperlukan.
- d) Pemberian tugas terhadap guru-guru kemahiran hidup hendaklah perpatutan dan seimbang dengan guru-guru lain supaya tiada timbul rasa tidak puas hati di kalangan guru-guru di bawah pentadbirannya, keseimbangan dalam pemberian tugas memberikan stau aspirasi pekerjaan yang relevan dengan kebolehan masing-masing.
- e) Daripada hasil kajian ini didapati pendedahan Kemahiran Hidup di kalangan responden adalah sangat kurang. Oleh itu pihak pentadbiran harus menitikberatkan

pendedahan guru terhadap mata pelajaran ini. Mereka harus dihantar untuk mengikuti kursus-kursus Kemahiran Hidup.

Pihak Kementerian Pendidikan Negara

- a) Memandangkan kerja mengurus alatan dan bahan mengambil masa yang cukup banyak, di samping meletihkan dan memenatkan guru. Oleh itu, perlulah diwujudkan seorang pembantu bengkel agar pengurusan tersebut dapat dijalankan dengan lebih teratur dan sistematik. Ini amat perlu bagi memastikan semua alatan dapat disenggara dengan baik. Begitu itu juga dengan bahan dapat dipergunakan dengan lebih efektif dan ini mengelakkan dari berlakunya pembaziran.
- b) Bagi guru-guru yang melakukan kerja-kerja tambahan selain daripada mengajar pada waktu kelas, hendaklah diberikan imbuhan tambahan atau elaun lebih masa sekiranya mereka melakukan tugas pengurusan alatan dan bahan di luar waktu kelas. Ini dapat menjaga kebajikan guru tersebut kerana dengan elaun saguehati mereka akan merasakan itu adalah satu tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan lebih teliti.
- c) Memandangkan tahap kemudahan bengkel berada pada tahap sederhana, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia haruslah menyediakan kemudahan peralatan yang mencukupi serta memastikan kemudahan-kemudahan seperti alat tangan dan mesin yang digunakan adalah selari dengan kehendak dan perkembangan industri semasa.

Pihak Sekolah

- a) Kajian mendapati komponen dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah ini terdiri empat komponen. Namun dapatan yang diperoleh menunjukkan keperluan untuk kerja amali tidak disediakan dengan baik. Di sini pengkaji mencadangkan agar pihak sekolah mengadakan pembahagian tugas kepada guru-guru yang mengajar Kemahiran Hidup sekolah rendah mengikut komponen supaya guru tersebut dapat memastikan keperluan komponen yang diuruskan sentiasa mencukupi.
- b) Daripada maklumat yang diperoleh didapati mata pelajaran Kemahiran Hidup ini tidak dijalankan penilaian. Oleh sebab itu, pelajar-pelajar dan guru menganggap mata pelajaran ini tidak penting dan sering diabaikan. Di sini pengkaji mencadangkan agar Panitia Kemahiran Hidup tersebut mengadakan penilaian untuk melihat pencapaian penguasaan kemahiran pelajar secara lebih sistematik dan diselaraskan. Dengan ini guru dan juga pelajar akan lebih bersungguh-sungguh dan komited terhadap pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup sekolah rendah.
- c) Sebilangan besar guru-guru yang mengajar Kemahiran Hidup sekolah rendah ini bukanlah mereka yang dari bidang Kemahiran Hidup. Kebanyakan responden bersetuju kursus dalaman yang diikuti dapat memberi keyakinan untuk mengajar Kemahiran Hidup dengan baik. Maka penyelidik mencadangkan agar pihak sekolah

Panitia Kemahiran Hidup, Pejabat Pendidikan Daerah, atau Pejabat Pelajaran Negeri Johor perlu lebih menganjurkan kursus pendedahan Kemahiran Hidup secara intensif agar dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran guru-guru KHSR. Contohnya mengadakan kursus pendedahan komponen jahitan kepada guru-guru lelaki yang mengajar KHSR supaya mereka dapat mengajar dengan baik.

- d) Dicadangkan guru-guru kemahiran hidup hendaklah membahagikan masa dengan bijak antara menjalankan proses pembelajaran, pengajaran dan pengurusan bengkel. Di samping itu guru perlu membuat perancangan jangka panjang bagi memudahkan pembahagian masa sepanjang tahun antara penglibatan guru dengan aktiviti sekolah dan program professionalisme.

15.0 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan kajian yang telah dibuat, penyelidik berpendapat terdapat kelemahan yang boleh diperbaiki dalam usaha untuk menghasilkan keputusan kajian yang lebih tepat dan jitu. Penyelidik mengemukakan beberapa cadangan kajian lanjutan untuk panduan dan tindakan penyelidik lain yang berminat membuat kajian susulan berhubung dengan skop dan persoalan dan kajian yang sama.

- a) Kajian selanjutnya boleh dibuat dengan menggunakan responden dari setiap negeri dan bukan sahaja dari kawasan Johor, negeri-negeri lain agar kajian ini dapat dilakukan dengan lebih terperinci.
- b) Kesesuaian bengkel telah dikenalpasti menjadi masalah yang utama. Dicadangkan kajian selanjutnya dibuat mengenai punca-punca bangunan kelas bengkel tidak dapat disediakan dengan sebaiknya. Sedangkan mata pelajaran Kemahiran Hidup telah lama diperkenalkan.
- c) Kajian akan datang diharap akan mengkaji keperluan penilaian prestasi pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup dalam peperiksaan akhir tahun.

16.0 Kesimpulan

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan ini, dapatan yang dapat dinyatakan di sini menunjukkan pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup Sekolah Rendah telah dijalankan dengan baik. Secara keseluruhannya ia menunjukkan kebanyakan pihak pentadbiran sekolah memberi sokongan dan cuba menyediakan kemudahan yang baik untuk pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup. Guru-guru Kemahiran Hidup Sekolah Rendah mempunyai pengetahuan dan usaha untuk menyampaikan pengajaran Kemahiran Hidup dengan baik. Walaupun guru-guru yang mengajar Kemahiran Hidup bukan dari bidang ini, namun kursus pendedahan, pengetahuan sedia ada, pengalaman dan daya usaha mereka memastikan mata pelajaran Kemahiran Hidup ini berjalan dengan agak baik dan

mencapai objektif kurikulum Kemahiran Hidup Sekolah Rendah seperti mana yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bibliografi

- Abdul Aziz Nahar (1996). *Tanggapan terhadap Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Daerah Melaka Tengah*. Tesis Sarjana Muda Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Seri (1 Januari 2004). *Pendidikan Perlu Peka Pendidikan*. Berita Harian. ms 8.
- Crow D.L. dan Crow. A. (1983), *psikologi Pendidikan Untuk Pengguna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Connell, W.F. (1981). "Asas-Asas Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahya (1999). *Satu Penilaian Terhadap Keberkesanan Perlaksanaan Program di Pusat Pemulihan Akhlak di Semenanjung Malaysia*, Universiti Teknologi Malaysia
- Azizi Hj. Yahya (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Berita Harian, 23 Disember 2003. *Persepsi Pendidikan Teknikal Perlu Diubah*.
- Baker, Christopher (1982). School for Advanced Studies. Bristo: University of Bristo.
- Crow D.L. dan Crow. A. (1983), *psikologi Pendidikan Untuk Pengguna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Connell, W.F. (1981). *Asas-Asas Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Davis, A.G. & Rimm S.B (1974). "Education of the Gifted and Talented". New Jersey, U.S.A.: Prentice Hall Publications.
- Pang, M.S (1997). "Pedagogi 2: Perlaksanaan Pengajaran." Kumpulan Budiman Sdn Bhd: Kuala Lumpur.
- Ramlah Hamzah (1993). "Persepsi dan Masalah Guru Terhadap Mata Pelajaran Kemahiran Hidup." *Jurnal Pendidikan Guru, Bahagian Pendidikan Guru (KPM) Bil.9 : 50-71*.
- Ramlan Jantan & Mahani Razali (2002). "Psikologi Pendidikan Pendekatan Kontemporari." Mc Graw -Hill Education.: UPSI.
- Sharil Hj. Marzuki (1993). "Vokasional Dan Teknik ; Peranannya Dalam Negara Perindustrian ." *Dewan Masyarakat Julai: 54-56* home.
- Tajul Ariffin Nordin.(1993). "Penyelidikan Satu Pemikiran Semula ." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Universiti Teknologi Malaysia (1999). "Panduan Penulisan Tesis Untuk Pelajar UTM .": Perpustakaan Sultan Zariah.
- W.F. Connel. (1981). "Asas Pendidikan ." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Yusri Kamin (2000). "Perkembangan Profesionalisme Garduan K.H Lulusan UTM di Sekolah-sekolah Di Negeri Johor." UTM: Tesis Master (Tidak diterbitkan)
- Zainal Bin Abd. Rahim. (1999). "Kesesuaian Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu Dari Persepsi Pelajar Di Kawasan Batu Kurau Dan Selama, Perak." *Projek Ijazah Sarjana Muda*. UTM: Tidak Diterbitkan.
- Zainuddin Bin Mahmud. (1997). "Perhubungan Di Antara Kemahiran Sedia Ada Pelajar 2 SPH Dari Pembelajaran Kemahiran Hidup Semasa Di Sekolah Dan Kerja Amali Di UTM." *Projek Ijazah Sarjana Muda*. UTM: Tidak Diterbitkan.
- Zol Azlan. (2000). "Strategi Pengajaran: Pendekatan Sains, teknologi masyarakat" Selangor: Prentice Hall.